



BAB 11: KESIMPULAN

PELAN INDUK LANDSKAP MAJLIS PERBANDARAN JASIN

11.0 KESIMPULAN

Bagi menjayakan wawasan dan hasrat kerajaan Negara Taman Terindah menjelang tahun 2020, penyediaan Pelan Induk Landskap dilihat menjadi teras kepada pembangunan landskap pada masa akan datang. Pelaksanaan Program Pembangunan Landskap adalah selari dengan visi Negara Taman Terindah bagi mencapai kualiti hidup yang menyeluruh dan juga merupakan pelengkap kepada objektif pelaksanaan pelbagai dasar negara bagi kawasan Majlis Perbandaran Jasin.

Pelan Induk Landskap Majlis Perbandaran Jasin menggariskan rangka kerja yang menjadi panduan kepada pembangunan landskap dan memastikan ianya selaras dalam menjayakan usaha menyokong kerajaan dalam menjadikan Melaka sebagai Negeri Maju dengan menekankan **Negeri Bandar Teknologi Hijau**.

Wawasan pembangunan Majlis Perbandaran Jasin adalah untuk menjadikan **Jasin Sebuah Daerah Lestari dan Bandar Jasin Bandar Bestari Menjelang Tahun 2020**. Matlamat pembangunannya pula menyentuh pembangunan fizikal, pengukuhan ekonomi dan perkembangan sosial yang mampan serta peningkatan inovasi. Objektif-objektif pembangunan pihak Majlis Perbandaran Jasin adalah untuk menjadikan Jasin sebagai daerah lestari, bestari, pelancongan serta industri tani dan pengeluaran makanan.

Bagi membantu menjayakan usaha pihak Majlis Perbandaran Jasin ke arah sebuah daerah yang lestari dan bestari, konsep pembangunan landskap keseluruhan kawasan pentadbiran ini dibentuk. Konsep bagi Pelan Induk Landskap Majlis Perbandaran Jasin adalah **Jasin Persekitaran Lestari untuk Kehidupan Sejahtera** menekankan aspek warisan sejarah, budaya, cara hidup serta sumber alam semulajadi dengan melakukan pembangunan secara mampan bagi meningkatkan kualiti hidup yang lebih baik.

Penekanan terhadap imej dan identiti bagi Daerah Jasin ditekankan khususnya di kawasan pintu masuk persempadanan, kawasan bandar dan pekan kecil serta kawasan tumpuan penduduk seperti kawasan lapang dan rekreasi, kawasan tarikan pelancongan dan lain-lain kawasan yang berpotensi. Selain daripada itu, jalinan hijau, teknologi hijau, prinsip bandar selamat, keselesaan, indah dan menarik antara kaedah dan pendekatan yang diaplikasikan di keseluruhan Daerah Jasin.

Melalui cadangan Pelan Induk Landskap yang disediakan ini, penekanan terhadap lima kawasan tindakan, penyediaan garis panduan pembangunan landskap di setiap sektor guna tanah serta cadangan pengurusan dan penyelenggaraan landskap yang sistematik bagi Majlis Perbandaran Jasin turut diuraikan secara terperinci.

Penyediaan Pelan Induk Landskap ini secara tidak langsung dapat menarik lebih ramai pengunjung datang ke Daerah Jasin. Pelaksanaan konsep pembangunan landskap yang dikemukakan menjadi panduan dan asas rujukan di dalam setiap cadangan pembangunan landskap di daerah ini.

Dengan penyediaan laporan Pelan Induk Landskap ini akan menjadi rujukan dan diterima pakai oleh semua pihak dan agensi yang terlibat seperti Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Perhutanan Negeri Melaka, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pelancongan Negeri Melaka dan sebagainya.

Sehubungan itu, semua pihak perlu bekerjasama dan mengambil tindakan yang sewajarnya dalam mengekal, memulihara dan membangunkan landskap persekitaran Daerah Jasin sebagaimana yang telah dicadangkan berpandukan akta-akta berkaitan, dasar-dasar pembangunan landskap, garis panduan pembangunan landskap dan strategi pelaksanaan Pelan Induk Landskap bagi tempoh sepuluh (10) tahun antara 2012-2021.

Diagram Tindakan Pelaksanaan Pembangunan Landskap Majlis Perbandaran Jasin

